

Desak hapuskan *premium tanah*

Perkata dakwa pembinaan balai bomba di Bukit Rahman Putra terbantut kerana birokrasi kerajaan negeri

NORAFIZA JAAFAR

SUNGAI BULOH - Pembinaan balai bomba baharu di Bukit Rahman Putra terbantut disebabkan sikap birokrasi oleh kerajaan negeri yang meletakkan premium tanah yang tinggi ke atas tapak tersebut.

Setiasaha Agung Persatuan Perjuangan Masyarakat Kota (Perkata), Adzly Ab Manas berkata, harga premium dianggarkan RM2.5 juta itu adalah lebih mahal berbanding nilai kos pembinaan bangunan balai baharu itu.

Menurutnya, beliau mendesak kerajaan negeri mengecualikan premium atau meletakkan harga yang lebih munasabah disebabkan tanah adalah di bawah bidang kuasa mereka.

"Kerajaan negeri adalah parti untuk rakyat jadi usahlah politikan isu ini kerana balai merupakan keperluan rakyat tambahan Sungai Buloh merupakan lokasi



Seorang anggota bomba memberi tunjuk ajar kepada penduduk tentang langkah awal kebakaran yang boleh dilakukan sementara menunggu jentera bomba tiba.

hotspot kes kecemasan dan khidmat kemanusiaan.

"Kami selaku NGO sekitar Parlimen Subang dan kawasan Sungai Buloh memerlukan satu

balai bomba yang baharu yang lebih moden dan lokasi yang strategik," katanya ketika ditemui dalam Demonstrasi dan Ceramah Kebakaran Bomba di Flat Rumah

Murah Bandar Baru Sungai Buloh.

Katanya, difahamkan pembinaan balai tersebut dalam proses perancangan dilaksanakan pada tahun ini seperti dimaklumkan oleh KPKT.

"Isu premium ini berpanjangan sehingga kini dan sepatutnya perkara ini tidak berlaku kerana projek seperti balai polis, bomba mahupun hospital perlu dikecualikan premium kerana melibatkan kepentingan awam.

"Aset tidak mencukupi dan lokasi balai yang tidak strategik menyukarkan kerja menyelamatkan jika berlakunya kes serentak terutama di Sungai Buloh yang boleh dikategorikan sebagai kawasan yang tidak mempunyai pembangunan yang terancang," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba Sungai Buloh, Muhammad Hazrin Zulkifli

berkata, sepanjang tahun lalu sebanyak 1,274 panggilan kecemasan dan khidmat khas termasuk kebakaran serta kemalangan diterima.

"Sungai Buloh mencatatkan panggilan tertinggi di Selangor. Antara Januari sehingga Ogos sebanyak 786 kes diterima.

"Kempen kesedaran giat dijalankan sebagai langkah pencegahan kebakaran selain keperluan balai baharu bagi membantu operasi menyelamatkan dan menepati tempoh waktu prosedur yang ditetapkan tambahan Sungai Buloh adalah daerah yang luas," katanya.

